

03 JUL 2001

Sukan-F1 (Alex)

ALEX AKAN UJI KERETA FORMULA SATU DENGAN PASUKAN MINARDI ESOK

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Bintang lumba kereta Malaysia, Alex Yoong akan memulakan ujian memandu kereta Formula Satu (F1) bersama pasukan Minardi selama tiga hari di Mugello, Italy bermula esok.

Persatuan Penganjur dan Peserta Sukan Bermotor (MMOCA) dalam kenyataan di sini hari ini berkata jadual ujian esok melibatkan penyesuaian tempat duduk, pemerhatian dan set-up kereta.

Ujian kereta F1 dijadualkan Khamis bermula dari 10 pagi hingga lima petang manakala keesokannya sebagai persediaan.

Pemilik pasukan Minardi, Paul Stoddart selepas bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada 28 Jun lalu berkata jika ujian berjalan lancar, Malaysia akan mempunyai pelumba F1 pertamanya menjelang Grand Prix Hungary pada Ogos ini.

Mengenai ujian berkenaan, Stoddart dilaporkan berkata bahawa ada pemandu yang cepat menyesuaikan diri dengan kereta F1 manakala ada yang memerlukan sedikit masa.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammudin Tun Hussein hari ini berkata beliau akan membuat sedikit pengumuman mengenai perkembangan rundingan dengan Minardi, esok.

Katanya, usaha sedang giat dilakukan untuk membolehkan Alex, 24, berlumba dalam F1 pada tahun ini.

"Yang penting pada peringkat ini ialah berusaha mengatasi apa jua rintangan yang ada termasuk bagi Alex mendapatkan lesen memandu F1," katanya.

Ini peluang yang terbaik untuk anak bangsa negara ini berlumba dalam perlumbaan F1 dan bersaing dengan pelumba terbaik dunia, katanya.

-- BERNAMA

AZ HS MOZ